

# Serba lengkap, canggih dan menarik

PERPUSTAKAAN UTHM dikatakan antara yang terbesar di negara ini dan dilengkapi kemudahan terkini seiring peranannya sebagai gerbang ilmu pengetahuan.

Dikenali dengan nama Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), gerbang ilmu ini diklasifikasikan sebagai perpustakaan akademik. Ia dirasmikan Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Ibtu Sultan Ibrahim pada 11 Jun 2013.

Berkongsi tentang kemudahan yang ada, Timbalan Ketua Pustakawan, Zulkipli Yahyin berkata, salah satunya adalah Ruang Bacaan 24 Jam. Ruang ini boleh memuatkan sehingga 500 pengguna untuk satu-satu masa. Penuntut boleh menggunakannya untuk perbincangan atau mengulang kaji pelajaran.

Dari segi fasiliti kemudahan dan perkhidmatan, kami berusaha memastikan apa yang ada di perpustakaan mencapai piawai perpustakaan akademik bertaraf antarabangsa. Baru-baru ini, perpustakaan mendapat pengiktirafan lima bintang untuk kriteria fasiliti dan kemudahan melalui

penarafan antarabangsa oleh Audit

Quacquarelli  
Symonds (QS)  
Star Rated for  
excellence 2015.

PTTA telah  
mendapat  
pengiktirafan  
MS ISO



9001:2008 sejak 2001. Perkhidmatan yang disediakan seperti pendaftaran keahlian, peminjaman/pemulangan dan tempahan bahan rujukan, pengurusan perolehan, pengindeksan dan aset koleksi dibuat secara automasi dan atas talian.

Sehingga 2014, koleksi perpustakaan berjumlah 250,000 naskhah buku dan 22,000 judul bahan audio visual. Kita juga memiliki koleksi digital dan elektronik yang boleh diakses melalui Internet meliputi 28,000 judul jurnal akademik, 99,000 buku elektronik (e-buku), 8000 judul repositori institusi serta pelbagai kategori koleksi lain. PTTA juga membuka keahlian kepada orang awam, mereka boleh datang mendaftar di perpustakaan pada waktu pejabat.

Harapan kami kepada penuntut agar dapat memanfaatkan PTTA secara optimum. Apa yang tersedia di sini merupakan pelengkap kepada usaha dalam mempersiapkan diri sebagai generasi teknokrat dan intelektual muda yang bakal menerajui pembangunan dan kemakmuran negara pada masa depan. Kunjungilah perpustakaan, inilah rumah ilmu anda. Di sinilah hikmah bermula.

